

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 MARCH 2017

# Mahkamah Jenayah Khas lindungi kanak-kanak

BH-14/3/2017

➔ Undang-undang baharu elak generasi pelapis daripada jadi mangsa eksploitasi seks

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**  
luqman.arif@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Undang-undang baharu bagi menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak secara holistik dan komprehensif akan dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 itu selaras hasrat kerajaan untuk menyertai Konvensyen Mengenai Jenayah Siber yang menetapkan pornografi kanak-kanak sebagai satu kesalahan.

“Saya harap semua Ahli Parlimen akan sokong rang undang-undang ini tanpa mengira faha-

man politik. Ini perlu bagi melindungi masa depan generasi pelapis dan memberi mesej lantang bahawa jenayah seksual kanak-kanak adalah kesalahan besar,” katanya.

### Sampai ucapatama

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapatama merasmikan Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!, yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWCT), di sini semalam.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri merangkap Penaung PERMATA Negara, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

Fakta  
nombor

5,799 KES

penderaan seksual kanak-kanak direkodkan JKM dari 2010-2015

963 PURATA

kes penderaan seksual kanak-kanak setahun direkodkan JKM dari 2010-2015

Seri Azalina Othman Said.

Yang turut hadir, bekas Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri yang akan menyampaikan keputusan khas bertajuk ‘Kerjasama ASEAN Dalam Membanteras jenayah Seksual Kanak-Kanak’ pada hari kedua seminar berkenaan, hari ini.

### Mahkamah Jenayah Khas

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bercadang mewujudkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual membabitkan mangsa kanak-kanak dengan fungsinya berbeza daripada Mahkamah Kanak-Kanak sedia ada.

“Mahkamah Kanak-Kanak hanya kendali kes di mana pelaku jenayah adalah kanak-kanak. Mahkamah Jenayah Khas pula akan bantu melindungi kanak-kanak secara holistik, mempercepat dan melan-

carkan prosiding serta perbicaraan kes,” katanya.

Najib berkata, perangkaan lima tahun bermula 2010 yang direkodkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan sebanyak 5,799 kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak direkodkan atau purata 963 kes setahun.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2015 dan 2016 pula, katanya, menunjukkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes cabul kehormatan dan 422 kes luar tabii membabitkan mangsa di bawah umur 18 tahun dilaporkan.

“Kes seperti ini tidak sepatutnya berlaku. Justeru kita wajar saling membantu untuk melindungi kanak-kanak sebagai generasi pelapis negara daripada terusi menjadi mangsa eksploitasi seksual,” katanya.